

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Sebahagian M40 bakal terkesan

Oleh Mahanum Abdul Aziz mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur

Sebahagian golongan berpendapatan pertengahan atau M40 mungkin tidak lagi mendapat subsidi bahan api dengan pelaksanaan subsidi bahan api bersasar kelak, demikian menurut Kenanga Research.

Penganalisisnya, Cheow Ming Liang berkata, kerajaan dijangka mendedahkan butiran subsidi bahan api yang disasarkan semasa pembentangan Belanjaan 2024 di Parlimen pada 13 Oktober 2023 bagi menggantikan subsidi bahan api pual sedia ada, berkemungkinan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024.

Katanya, peralihan itu didorong oleh beban kewangan tidak mampan sedia ada yang memperlihatkan 35 peratus daripada subsidi berjumlah RM77.3 bilion pada 2022 telah digunakan untuk subsidi bahan api yang memberi manfaat kepada golongan berpendapatan tinggi (T20) lebih kaya.

"Dengan memanfaatkan Pangkalan Data Utama (Padu) baharu yang mengintegrasikan data daripada pelbagai agensi kerajaan termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), kerajaan berhasrat untuk mengenal pasti penerima menggunakan kriteria 'pendapatan boleh guna bersih', yang bertujuan untuk mengeskualkan sebahagian besar demografi T20.

"Kami percaya sebahagian daripada kumpulan M40 juga mungkin terpu-

tus, menyebabkan kuasa perbelanjaan kumpulan pengguna ini berkurangan," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kewangan I Datuk Seri Ahmad Maslan dilaporkan berkata, bahawa kerajaan mampu memperolehi penjimatan sehingga RM17 bilion sekiranya golongan T20 tidak diberikan subsidi petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG).

Beliau berkata, penggunaan ketiga-tiga bahan api itu dalam kumpulan berpendapatan rendah (B40) hanya sekitar 24 peratus manakala berpendapatan sederhana (M40) sebanyak 41 peratus dan kumpulan T20 adalah 35 peratus pada 2022.

Sementara itu, Kenanga Research membuat semakan semula

Subsidi bahan api dilihat lebih memberi manfaat kepada golongan T20

jangkakan penggunaan swasta yang lebih rendah bagi 2023 kepada 4.3 peratus berbanding 6.1 peratus sebelumnya berikutan keputusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku kedua 2023 yang kurang memberangsangkan.

Ia berkata, walaupun berlaku kelewapan, ekonomi yang stabil dan pasaran pekerjaan yang rancak harus terus menyokong perbelanjaan pengguna.

Menuju ke hadapan, katanya meskipun kategori berpendapatan tinggi dijangka mengekalkan kedudukan kewangannya, kumpulan berpendapatan sederhana mungkin menghadapi pengurangan pendapatan boleh guna disebabkan subsidi bahan api yang disasarkan akan berlaku.



PENGUNAAN bahan api dalam golongan B40 hanya sekitar 24 peratus manakala M40 sebanyak 41 peratus dan T20 adalah 35 peratus pada 2022.

SUBSIDI BAHAN API BERSASAR

SEBAHAGIAN M40 BAKAL TERKESAN